

D514

U B605 BAH
MAHATHIR - MATSUSHITA

SHAH ALAM, 23 NOV (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENERUSKAN DASAR MEMBERI INSENTIF DAN KEMUDAHAN CUKAI DAN BUKAN CUKAI KEPADA PELABUR ASING, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

KATANYA, MENGIKUT PENILIAN KERAJAAN, INSENTIF DAN KEMUDAHAN ITU PERLU DITERUSKAN KERANA IA TELAH TERBUKTI MEMBERIKAN HASIL YANG BAIK.

+APATAH LAGI KERAJAAN YAKIN SALAH SATU LANGKAH EFEKTIF BAGI MENGURANGKAN PENGANGGURAN DI NEGARA INI IALAH MELALUI SEKTOR PERKILANGAN YANG BERKEMBANG PESAT+, KATANYA SEMASA MERASMIKAN KILANG MATSUSHITA TELEVISION CO (M) SDN BHD (MTV) DI KAWASAN PERINDUSTRIAN SHAH ALAM, DI SINI.

SEKTOR ITU, KATANYA, TELAH BERJAYA MEWUJUDKAN KADAR PELUANG PEKERJAAN YANG TERTINGGI BERBANDING DENGAN SEKTOR-SEKTOR LAIN SEJAK BEBERAPA TAHUN LEPAS DAN IA AKAN TERUS MEMAINKAN PERANAN UTAMA DALAM USAHA KERAJAAN MENGURANGKAN PENGANGGURAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BARU-BARU INI TIMBUL SATU PANDANGAN BAHAWA KERAJAAN MEMBERI KEMUDAHAN DAN INSENTIF YANG TERLALU BANYAK KEPADA PELABUR ASING DAN MENYEBUT BAHAWA LEBIH BANYAK PELABURAN ASING AKAN DINIKMATI SEKIRANYA KEMUDAHAN DAN INSENTIF SEUMPAMA ITU DIKURANGKAN. -- LAGI
1426MST 23 11 89

D515

U B606 BAH
MAHATHIR - MATSUSHITA 2 SHAH ALAM

+SEKIRANYA KITA MELIHAT ALIRAN INI DALAM PERSPEKTIF ANTARABANGSA, KITA AKAN DAPAT MEMERHATIKAN BAHAWA NEGARA KITA BERSAING SENGIT DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN, TERUTAMA DENGAN BEBERAPA NEGARA ANGGOTA ASEAN, UNTUK MENDAPATKAN PELABURAN ASING,+ TAMBAH BELIAU.

+OLEH YANG DEMIKIAN, SEBARANG KAJIAN SAMA ADA MALAYSIA TELAH MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PELABURAN YANG MENCUKUPI, BERLEBIHAN ATAU BERKURANGAN, HENDAKLAH MENGAMBIL KIRA PERKEMBANGAN DI NEGARA-NEGARA LAIN, TERUTAMA DI ASIA TENGGARA+, KATANYA.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PELABUR ASING MUNGKIN TIDAK AKAN MELABUR DI NEGARA INI SEKIRANYA INSENTIF SEUMPAMA ITU TIDAK DISEDIAKAN DAN INI SETERUSNYA AKAN MENYEBABKAN MASALAH PENGANGGURAN BERTAMBAH.

+ANGGAPAN BAHAWA INSENTIF DIBERI HANYA UNTUK PARA PELABUR ADALAH TIDAK TEPAT. PERHITUNGAN PERLU DIBUAT TERHADAP BILANGAN PEKERJA YANG AKAN MENGANGGUR JIKA KILANG-KILANG DITUTUP,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA KERAJAAN BERBANGGA DENGAN KEUPAYAAN NEGERI JOHOR, SELANGOR, MELAKA DAN PULAU PINANG MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR SERTA MELULUSKAN TAPAK-TAPAK KILANG. -- LAGI
1432MST 23 11 89

U 8607 BAH
MAHATHIR - MATSUSHITA 3 SHAH ALAM

DI SAMPING ITU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, NEGERI-NEGERI LAIN JUGA MENUNJUKKAN KEUPAYAAN PENYELARASAN YANG LEBIH BAIK, DAN MENAMBAH KATA BAHAWA KERAJAAN MAHU KEMAJUAN SEUMPAMA ITU DITERUSKAN BAGI MENARIK LEBIH BANYAK PELABUR.

BELIAU JUGA BERKATA SEKTOR PERKILANGAN DIJANGKA MENYUMBANG SATU PEREMPAT DARIPADA KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) PADA TAHUN INI, DAN MERUPAKAN KALI PERTAMA SEKTOR PERKILANGAN MENGATASI PARAS 25 PERATUS KDNK.

KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERIKAN GALAKAN YANG SEWAJARNYA KEPADA SEKTOR INI SUPAYA SUMBANGANNYA KEPADA KDNK TERUS MENINGKAT SEHINGGA KE TAHAP KIRA-KIRA 40 PERATUS PADA AKHIR ABAD KE-20, TAMBAH BELIAU.

EKSPORT BARANGAN PERKILANGAN PULA DIJANGKA BERJUMLAH HAMPİR 55 PERATUS DARIPADA JUMLAH EKSPORT NEGARA PADA TAHUN INI DAN MERUPAKAN KALI PERTAMA JUMLAHNYA MELEBIHI SETENGAH DARIPADA JUMLAH EKSPORT NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN TELAH MENINGKAT LEBIH PESAT DARI TAHUN LEPAS DENGAN PELABURAN YANG DILULUSKAN OLEH KERAJAAN UNTUK TUJUH BULAN PERTAMA TAHUN INI BERJUMLAH KIRA-KIRA \$6 RIBU JUTA, MENINGKAT KIRA-KIRA 34 PERATUS DARI TEMPOH YANG SAMA PADA TAHUN LEPAS.

MENGIKUT PERANGKAAAN EKUITI YANG DILULUSKAN PADA TAHUN LEPAS, 58 PERATUS DARIPADA PELABURAN INI ADALAH DARI LUAR NEGERI, KATANYA.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MELAWAT KILANG MATSUSHITA TELEVISION CO. (M) SDN BHD ITU SERTA MENANAM POKOK PINANG DI HADAPAN BANGUNAN UTAMA KILANG ITU. -- BERNAMA

1444MST 23 11 89